



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
(STPM)**

PENGAJIAN AM
Sukatan Pelajaran dan Kertas Soalan Contoh

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

“Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, berketerampilan, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.”

PRAKATA

Sukatan Pelajaran Pengajian Am yang baharu ini digubal untuk menggantikan Sukatan Pelajaran Pengajian Am sedia ada yang telah digunakan semenjak peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia pada tahun 2005. Sukatan pelajaran yang baharu ini akan mula digunakan pada tahun 2012. Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia pada tahun tersebut akan menjadi peperiksaan pertama yang menggunakan sukatan pelajaran ini. Penggubalan semula Sukatan Pelajaran Pengajian Am ini mengambil kira perubahan yang hendak dilakukan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia terhadap sistem peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia yang sedia ada. Melalui sistem peperiksaan yang baharu ini, pengajian di tingkatan enam akan dibahagikan kepada tiga penggal dan calon akan menduduki peperiksaan pada setiap akhir penggal. Tujuan utama Majlis Peperiksaan Malaysia memperkenalkan sistem peperiksaan yang baharu ini adalah untuk memperbaiki orientasi pengajaran dan pembelajaran di tingkatan enam supaya tidak jauh berbeza dengan orientasi pengajaran dan pembelajaran di kolej dan universiti.

Penggubalan semula Sukatan Pelajaran Pengajian Am ini merupakan proses pengemaskinian tajuk, kandungan, dan kemahiran supaya selaras dengan perkembangan semasa. Sukatan pelajaran ini akan memberikan pendedahan kepada calon di peringkat prauniversiti tentang hal ehwal kenegaraan Malaysia yang meliputi tajuk-tajuk seperti Malaysia Kekal Berdaulat, Malaysia Maju dan Sejahtera, serta Malaysia dan Negara Luar. Selain itu, sukatan pelajaran ini juga memberi penekanan dalam aspek meningkatkan kemahiran menulis, mencari dan menganalisis maklumat, menyelesaikan masalah, dan berkomunikasi secara berkesan dalam kalangan calon. Sehubungan dengan itu, adalah diharapkan agar sukatan pelajaran ini dapat menghasilkan calon prauniversiti yang berfikiran matang, berpengetahuan luas, dan berupaya untuk menyampaikan idea secara berkesan dengan menggunakan pelbagai bentuk komunikasi. Selain itu, sukatan pelajaran ini juga mewajibkan calon menjalankan kerja kursus. Pentaksirannya dibuat melalui penghasilan Kerja Projek. Aspek ini difikirkan penting kerana melalui kerja projek, calon bukan sahaja belajar untuk menguasai ilmu tertentu tetapi juga akan dapat menerapkan kemahiran insaniah ke dalam diri mereka melalui pengalaman yang ditempuhi semasa menyiapkan kerja tersebut. Pengalaman ini akan membantu calon dalam melaksanakan kerja kursus pada peringkat yang lebih tinggi pada masa hadapan.

Sukatan pelajaran ini mengandungi tajuk, waktu pengajaran, dan hasil pembelajaran mengikut penggal, di samping bentuk peperiksaan, dan soalan contoh.

Usaha menggubal sukatan pelajaran ini telah dilaksanakan oleh jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Y. Bhg. Profesor Dr. Rahimah binti Abdul Aziz dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Anggota jawatankuasa yang lain terdiri daripada beberapa orang pensyarah dari universiti tempatan, wakil dari Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia, dan guru-guru yang berpengalaman dalam mengajar mata pelajaran Pengajian Am. Bagi pihak Majlis Peperiksaan Malaysia, saya merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada jawatankuasa ini atas khidmat yang telah diberikan. Oleh yang demikian, adalah menjadi harapan Majlis Peperiksaan Malaysia agar sukatan pelajaran ini menjadi panduan kepada guru dan calon dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Semoga pelaksanaan sukatan pelajaran ini berjaya mencapai matlamatnya.

Ketua Eksekutif
Majlis Peperiksaan Malaysia

KANDUNGAN

Sukatan Pelajaran 900 Pengajian Am

	<i>Halaman</i>
Pengenalan, Matlamat, dan Objektif	1 – 2
Kandungan	
Penggal 1	3 – 5
Penggal 2	6 – 7
Penggal 3	8
Kerja Kursus (Kerja Projek)	9
Skim Pentaksiran	10 – 11
Senarai Rujukan	12
Kertas Soalan Contoh	
Kertas 1	13 – 22
Kertas 2	23 – 30
Kertas 3	31 – 40
Kertas 4	41 – 42

SUKATAN PELAJARAN **900 PENGAJIAN AM**

Pengenalan

Pengajian Am ialah satu mata pelajaran peringkat STPM yang menyepadukan pelbagai ilmu pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam pembelajaran sepanjang hayat. Kandungan mata pelajaran ini meliputi aspek sains, sains sosial, kenegaraan, isu, dan cabaran semasa. Kemahiran yang ditekankan dalam mata pelajaran ini ialah keupayaan berfikir secara kritis, kreatif, dan inovatif, melaksanakan kajian saintifik, serta menggunakan pelbagai bentuk komunikasi dalam pembelajaran dan kehidupan seharian. Mata pelajaran ini juga menerapkan kesedaran tentang pengalaman manusia dan persekitarannya termasuk warisan sendiri. Selain itu, memupuk rasa cinta akan negara, tanggungjawab terhadap diri sendiri, orang lain, komuniti, dan masyarakat serta hormat terhadap budaya dan masyarakat lain.

Matlamat

Sukatan pelajaran Pengajian Am berhasrat melahirkan pelajar prauniversiti yang menguasai ilmu dan mengamalkannya secara bersepadu, berfikiran matang, berkemahiran, berakhlak, dan mampu menyumbang kepada kesejahteraan diri, bangsa, negara, dan alam sejagat.

Objektif

1. Ilmu

- (a) Membolehkan pelajar memahami dan menghayati isu daripada pelbagai perspektif ilmu;
- (b) Mampu memahami hubung kait ilmu daripada pelbagai disiplin dan berupaya menyepadukannya;
- (c) Memahami dan peka kepada perkembangan dan cabaran perubahan semasa persekitaran, negara, dan sejagat;
- (d) Memahami dan menghayati sistem pemerintahan negara dan tadbir urus baik.

2. Kemahiran

- (a) Berfikiran matang dengan mengaplikasi pelbagai ilmu untuk menyelesaikan pelbagai masalah berbentuk kuantitatif dan kualitatif;
- (b) Berkeupayaan memahami, menganalisis, dan berkomunikasi secara berkesan;
- (c) Berkemampuan menganalisis dan mentafsir pelbagai bentuk media secara logik dan kritis;
- (d) Berkebolehan mencari dan mengumpul maklumat daripada pelbagai sumber;
- (e) Berkebolehan belajar secara sendiri dan berterusan serta membina pengetahuan baharu dengan menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi;
- (f) Berkeupayaan menyampaikan ilmu dan pemikiran yang kritis, kreatif, dan inovatif melalui pelbagai bentuk komunikasi;
- (g) Berkeupayaan berinteraksi dan bekerjasama dalam kumpulan.

3. Nilai

- (a) Percaya dan patuh kepada ajaran agama;
- (b) Bersikap patriotik dan peka tentang perkembangan serta cabaran negara;
- (c) Bersatu demi kesejahteraan bersama;
- (d) Mengutamakan kebajikan dan kepentingan umum;
- (e) Bersikap berani dalam mengutarakan idea;
- (f) Bersikap terbuka terhadap pelbagai buah fikiran, pandangan, dan cadangan;
- (g) Berintegriti dan berkeyakinan;
- (h) Bersikap proaktif dan berdaya saing secara sihat;
- (i) Menghayati budaya kerja yang positif, kreatif, dan inovatif.

Penggal 1

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>	<i>Catatan</i>
1 Kemahiran Belajar		Calon seharusnya dapat:	
1.1 Kemahiran mencari maklumat	4	(a) mengenal pasti dan mengumpul maklumat daripada pelbagai sumber;	Kemahiran belajar akan diaplikasikan semasa menjawab soalan
1.2 Kemahiran menyoal	2		(a) esei
1.3 Kemahiran menganalisis maklumat	8	(b) mengaplikasi pelbagai kaedah asas untuk menganalisis maklumat: mengkategorikan, membandingkan, mentafsir, dan merumus;	(b) alih bentuk komunikasi (c) kerja kursus (kerja projek) (d) aneka pilihan (e) struktur
1.4 Kemahiran berfikir secara kritis	4		
1.5 Kemahiran menyelesaikan masalah	8	(c) melaksana langkah-langkah menyelesaikan masalah kualitatif dan kuantitatif: memahami masalah, mencari dan memilih alternatif, mengaplikasi, menilai semula, dan menambah baik;	
1.6 Kemahiran komunikasi berkesan	6	(d) menyampaikan maklumat yang relevan melalui pelbagai bentuk komunikasi; (e) berkomunikasi dengan menggunakan laras bahasa yang betul dan berkesan.	
2 Malaysia Kekal Berdaulat			
2.1 Negara berdaulat	4	Calon seharusnya dapat:	
2.1.1 Konsep dan ciri		(a) menghuraikan konsep dan ciri negara berdaulat;	(i) Konsep negara – bersempadan, sistem pemerintahan, dan mempunyai rakyat
2.1.2 Pembentukan negara Malaysia		(b) menghuraikan pembentukan Malaysia.	(ii) Ciri negara berdaulat – antaranya merdeka, berkuasa sendiri, berwibawa, dan beridentiti

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>	<i>Catatan</i>
2.2 Perlembagaan Persekutuan		Calon seharusnya dapat:	
2.2.1 Peruntukan Perlembagaan Persekutuan	10	(a) menjelaskan konsep dan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan;	
		(b) menjelaskan kepentingan perlembagaan terhadap keamanan, perpaduan, kestabilan politik, dan sosial;	
2.2.2 Sistem dan struktur pemerintahan	10	(c) menerangkan sistem dan struktur pemerintahan;	Sistem – Demokrasi Berparlimen, Raja Berperlembagaan Struktur – Tiga bahagian pemerintahan, iaitu kehakiman, pentadbiran, dan perundangan
2.2.3 Demokrasi dan pilihan raya	8	(d) membincangkan amalan demokrasi serta sistem dan proses pilihan raya.	– Peranan dan bidang kuasa Suruhanjaya Pilihan Raya – Proses pilihan raya
2.3 Tadbir urus negara		Calon seharusnya dapat:	
2.3.1 Takrif dan ciri-ciri	4	(a) menerangkan takrif dan ciri tadbir urus negara;	
2.3.2 Sistem dan struktur pentadbiran	8	(b) menghuraikan sistem dan struktur Kerajaan Persekutuan;	– Bidang kuasa: Senarai Persekutuan, Negeri, dan Bersama
		(c) menghuraikan sistem pentadbiran Kerajaan Persekutuan;	– Sistem dan struktur kerajaan: Yang di-Pertuan Agong, Majlis Raja-Raja, Suruhanjaya, Ketua Audit Negara, Kabinet, Kementerian, Perbadanan Awam, dan Majlis-Majlis Penyelarasan
			– Kerajaan Persekutuan termasuk Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan
			– Sumber kewangan

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>	<i>Catatan</i>
2.3.3 Pelaksanaan	6	(d) menghuraikan hubungan dan penyelarasan pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Negeri, dan Tempatan (Pihak Berkuasa Tempatan);	
2.3.4 Kepentingan dan cabaran tadbir urus baik	16	(e) membincangkan kepentingan dan cabaran yang dihadapi negara dalam melaksanakan tadbir urus baik.	<ul style="list-style-type: none"> – Kepentingan tadbir urus baik, antaranya <ul style="list-style-type: none"> • globalisasi • daya saing – Cabaran-cabaran tadbir urus baik, antaranya <ul style="list-style-type: none"> • sistem penyampaian khidmat awam • integriti • pembangunan modal insan • pengaruh teknologi maklumat dan komunikasi
2.4 Kedaulatan Malaysia		Calon seharusnya dapat:	
2.4.1 Cabaran, punca, dan penyelesaian	22	(a) menjelaskan kepentingan keamanan negara dan antarabangsa;	
2.4.1.1 Pertahanan		(b) menilai jenis cabaran yang dihadapi negara;	
2.4.1.2 Sosial dan budaya		(c) membincangkan punca dan cara mengatasi cabaran.	
2.4.1.3 Ekonomi			
2.4.1.4 Politik			
2.4.1.5 Sains dan teknologi			
2.4.1.6 Integrasi dan perpaduan			

Nota: Perbincangan tajuk-tajuk tertentu yang relevan hendaklah menyentuh Semenanjung, Sabah, dan Sarawak.

Penggal 2

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>	<i>Catatan</i>
3 Alih Bentuk Komunikasi			Pengaplikasian kemahiran ini akan diterapkan dalam subtajuk 4.3
3.1 Linear kepada bukan linear	8	Calon seharusnya dapat: (a) mengetahui jenis teks bukan linear yang lazim; (b) memindahkan data/maklumat kepada teks bukan linear.	Teks linear: Deskriptif, naratif, informatif, penghujahan, dan penilaian Teks bukan linear: Jadual, graf, carta, dan gambar rajah
4 Malaysia Maju Dan Sejahtera			
4.1 Petunjuk negara maju dan sejahtera		Calon seharusnya dapat:	
4.1.1 Agama dan kepercayaan	3	(a) menjelaskan kepentingan membina negara maju dan sejahtera;	
4.1.2 Ekonomi	4	(b) menjelaskan petunjuk negara maju dan sejahtera;	
4.1.3 Politik	3	(c) menghuraikan langkah bagi membina negara maju dan sejahtera.	
4.1.4 Prasarana	3		
4.1.5 Sosial dan budaya	5		
4.1.6 Ekologi	3		
4.1.7 Sains dan teknologi	3		
4.2 Ideologi, wawasan, dan dasar pembangunan negara		Calon seharusnya dapat:	
4.2.1 Ideologi Negara – Rukun Negara	4	(a) menjelaskan latar belakang, objektif, dan prinsip Rukun Negara;	
4.2.2 Wawasan 2020	4	(b) menjelaskan latar belakang, objektif, dan prinsip Wawasan 2020;	

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>	<i>Catatan</i>
4.2.3 Dasar Pembangunan Negara		(c) menjelaskan dasar-dasar pembangunan negara;	Semua dasar pembangunan negara adalah bagi mewujudkan integrasi dan perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk, antara wilayah, bandar, dan luar bandar di negara ini. Dasar Pembangunan Negara merangkumi dasar-dasar yang diperkenalkan dari semasa ke semasa.
4.2.3.1 Dasar Ekonomi	10	(d) menerangkan peranan dasar-dasar pembangunan dalam menjana kemajuan dan kesejahteraan negara;	
4.2.3.2 Dasar Sosial dan Budaya	12	(e) menilai implikasi pelaksanaan dasar-dasar awam dalam pembangunan negara.	
4.3 Cabaran dan penyelesaian		Calon seharusnya dapat:	Tajuk ini juga akan menggunakan kemahiran yang diperoleh dalam tajuk 3
4.3.1 Agama dan kepercayaan	5	(a) mengenal pasti dan membincangkan pelbagai cabaran dalam pembangunan negara;	
4.3.2 Ekonomi	6	(b) membincangkan langkah-langkah untuk menangani cabaran yang dihadapi oleh negara;	
4.3.3 Politik	5	(c) mempersembahkan maklumat berkaitan cabaran dan penyelesaian ke dalam bentuk teks bukan linear.	
4.3.4 Prasarana	5		
4.3.5 Sosial dan budaya	6		
4.3.6 Ekologi	5		
4.3.7 Sains dan teknologi	6		
4.3.8 Integrasi dan perpaduan	5		
5 Kerja Kursus (Kerja Projek)	15	Calon seharusnya dapat: (a) mengaplikasikan kemahiran belajar bagi menghasilkan satu tugas bertulis yang asli dan berkualiti; (b) menyampaikan hasil tugas secara lisan dengan cara yang berkesan.	

Nota: Perbincangan tajuk-tajuk tertentu yang relevan hendaklah menyentuh Semenanjung, Sabah, dan Sarawak.

Penggal 3

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>	<i>Catatan</i>
6 Alih Bentuk Komunikasi			Pengaplikasian kemahiran ini akan diterapkan dalam subtajuk 7.3
6.1 Bukan linear kepada linear	8	Calon seharusnya dapat: (a) menganalisis data dan fakta; (b) membuat penghitungan/ pengiraan dan penaakulan.	
7 Malaysia Dan Negara Luar			
7.1 Hubungan Diplomatik		Calon seharusnya dapat:	
7.1.1 Faktor penentu dasar luar	8	(a) menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi penentu dasar luar Malaysia.	
7.2 Penglibatan, peranan, dan sumbangan Malaysia		Calon seharusnya dapat:	
7.2.1 Peringkat serantau	16	(a) menghuraikan kepentingan hubungan serantau dan antarabangsa;	
7.2.2 Peringkat global	16	(b) menjelaskan peranan dan sumbangan Malaysia di peringkat serantau dan global.	
7.3 Isu dan cabaran		Calon seharusnya dapat:	
7.3.1 Sosial dan budaya	22	(a) membincangkan isu dan cabaran negara di peringkat antarabangsa;	Tajuk ini juga akan menggunakan kemahiran yang diperolehi dalam tajuk 6
7.3.2 Politik	14	(b) menilai tindakan Malaysia dalam menangani isu dan cabaran hubungan serantau dan global;	
7.3.3 Ekonomi	20	(c) mengulas hal-hal berkaitan Malaysia dan negara luar;	
7.3.4 Sains dan teknologi	16	(d) mentafsir teks bukan linear yang berasaskan isu dan cabaran kepada bentuk linear.	

Nota: Perbincangan tajuk-tajuk tertentu yang relevan hendaklah menyentuh Semenanjung, Sabah, dan Sarawak.

Kerja Kursus (Kerja Projek)

1 Pengenalan

Setiap calon STPM sekolah kerajaan, calon sekolah bantuan kerajaan, calon sekolah swasta, dan calon persendirian individu **wajib** melaksanakan kerja kursus (kerja projek). Kerja kursus (kerja projek) ini akan dilaksanakan pada penggal 2 dan menjadi satu daripada komponen pentaksiran untuk penggal 2. Calon mesti melaksanakan semua aspek berkaitan kerja kursus (kerja projek) seperti yang ditetapkan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM). Pentaksiran untuk kerja kursus (kerja projek) ini bagi calon sekolah kerajaan dan calon sekolah bantuan kerajaan akan dijalankan oleh guru sekolah, manakala pentaksiran untuk calon sekolah swasta dan calon persendirian individu akan dijalankan oleh pemeriksa yang dilantik oleh MPM. Wajaran markah bagi komponen kerja kursus (kerja projek) ini adalah sebanyak 20%. Markah pentaksiran kerja kursus (kerja projek) hendaklah dihantar kepada MPM untuk diambil kira bersama-sama dengan markah peperiksaan bagi tujuan penentuan markah keseluruhan dan penggedan. Panduan dan arahan tugas kerja kursus (kerja projek) akan diberikan melalui portal MPM <http://www.mpm.edu.my>.

2 Objektif

Objektif kerja kursus (kerja projek) ini disediakan adalah untuk menilai keupayaan calon dalam;

(a) Kemahiran kognitif:

- mengenal pasti dan menghuraikan masalah dan isu yang berkaitan dengan pembangunan negara serta mencadangkan langkah mengatasinya;
- mengaplikasi teori dan kaedah yang diajar dalam bilik darjah dengan tugas yang diberikan;
- mentafsir, mensintesis, dan merumus data dan maklumat berkaitan dengan isu yang dibentangkan.

(b) Kemahiran manipulatif:

- mencari dan mengumpul pelbagai jenis data dan maklumat daripada pelbagai sumber;
- memperoleh sumber melalui aktiviti memerhati, merekod, menemu bual, dan mengkaji selidik;
- memperoleh sumber melalui kajian perpustakaan, penulisan agensi kerajaan dan swasta serta daripada sumber internet;
- mempersembahkan data serta maklumat yang diperoleh dalam bentuk grafik, jadual, rajah, carta, dan tulisan.

(c) Kemahiran insaniah (*soft skills*):

- berkebolehan untuk berkomunikasi secara lisan dan tulisan;
- berkebolehan untuk bekerjasama dalam kumpulan, mengorganisasi tugas, dan bekerja sebagai satu pasukan;
- berupaya mengawal aktiviti kertas kerja kursus (kerja projek) yang disediakan secara berkesan;
- berupaya mengurus masa mengikut jadual kerja yang ditetapkan;
- berupaya menyelesaikan masalah;
- berupaya menghasilkan tugas secara kreatif dan inovatif;
- berkemampuan menjalankan kajian kuantitatif dan kualitatif secara saintifik;
- berkebolehan untuk menjalankan kajian secara jujur, amanah, dan beretika;
- berupaya meningkatkan keyakinan diri dan bermotivasi.

Skim Pentaksiran

<i>Penggal Pengajian</i>	<i>Kod dan Nama Kertas</i>	<i>Jenis Ujian</i>	<i>Markah (Wajaran)</i>	<i>Masa</i>	<i>Pentadbiran</i>
Penggal 1	900/1 Pengajian Am 1	Ujian Bertulis Bahagian A: Soalan aneka pilihan 15 soalan diberikan Jawab semua soalan Bahagian B: Soalan berstruktur 4 soalan diberikan Jawab semua soalan Bahagian C: Soalan esei 3 soalan diberikan Jawab 2 soalan daripada 3 soalan	80 (29%) 15 15 50	2 jam	Pentaksiran berpusat
Penggal 2	900/2 Pengajian Am 2	Ujian Bertulis Bahagian A: Soalan berstruktur 4 soalan diberikan Jawab semua soalan Bahagian B: Soalan alih bentuk komunikasi 2 soalan diberikan Jawab 1 soalan daripada 2 soalan Bahagian C: Soalan esei 2 soalan diberikan Jawab 1 soalan daripada 2 soalan	60 (22%) 15 20 25	1½ jam	Pentaksiran berpusat

<i>Penggal Pengajian</i>	<i>Kod dan Nama Kertas</i>	<i>Jenis Ujian</i>	<i>Markah (Wajaran)</i>	<i>Masa</i>	<i>Pentadbiran</i>
	900/4 Pengajian Am 4	<p>Kerja Kursus (Kerja Projek)</p> <p>Pilih satu tema daripada dua tema yang diberikan dan hasilkan satu tugas daripada tema yang dipilih</p> <p>Tema adalah berdasarkan tajuk yang terdapat dalam sukatan pelajaran Pengajian Am</p>	55 (20%)	Sepanjang penggal 2	<p>Pentaksiran oleh guru sekolah bagi calon sekolah kerajaan dan calon sekolah bantuan kerajaan</p> <p>Pentaksiran oleh pemeriksa yang dilantik bagi calon sekolah swasta dan calon persendirian individu</p>
Penggal 3	900/3 Pengajian Am 3	<p>Ujian Bertulis</p> <p>Bahagian A: Soalan aneka pilihan 15 soalan diberikan Jawab semua soalan</p> <p>Bahagian B: Soalan alih bentuk komunikasi 2 soalan diberikan Jawab 1 soalan daripada 2 soalan</p> <p>Bahagian C: Soalan esei 3 soalan diberikan Jawab 2 soalan daripada 3 soalan</p>	<p>80 (29%)</p> <p>15</p> <p>15</p> <p>50</p>	2 jam	Pentaksiran berpusat

Senarai Rujukan

Senarai rujukan di bawah ini merupakan panduan sahaja.

1. Ahmad Atory Hussain, 2002. *Kerajaan Tempatan: Teori dan Peranan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
2. Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), 2001. *Good Governance: Issues and Challenges*, Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara.
3. Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), 2006. *Pentadbiran dan Pengurusan Awam Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara.
4. Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), 2007. *Malaysia Kita: Sejarah, Pentadbiran dan Dasar-Dasar Pembangunan*, Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara.
5. Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), 2007. *Dasar-Dasar Pembangunan Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara.
6. International Law Book Services (ILBS), 2007. *Malaysia Kita: Sejarah, Pentadbiran dan Dasar-Dasar Pembangunan*, Selangor: International Law Book Services.
7. Kementerian Kewangan Malaysia, *Laporan Ekonomi* (tahunan).
8. Kementerian Penerangan Malaysia, *Buku Rasmi Tahunan*.
9. Mohd. Majid Konting, 2004. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
10. Perlembagaan Persekutuan (Edisi Terkini).
11. Rancangan-Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia.

Senarai Bacaan Umum

Bahan-bahan bacaan hendaklah terdiri daripada berbagai-bagai jenis. Antara bahan bacaan adalah seperti yang berikut.

1. Akhbar harian
2. Buletin dan Risalah Kerajaan
3. Laman Web yang relevan (contohnya Agensi-agensi Awam, NGO, dan lain-lain)
4. Majalah tempatan dan antarabangsa

KERTAS SOALAN CONTOH

Nombor kad pengenalan: Nombor pusat/angka giliran:

900/1

STPM

PENGAJIAN AM

KERTAS 1

(Dua jam)

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
(MALAYSIAN EXAMINATIONS COUNCIL)

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.

Kertas ini mengandungi tiga bahagian, iaitu Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C.

*Calon dikehendaki menjawab **semua** soalan dalam Bahagian A dan Bahagian B dan **dua** soalan dalam Bahagian C.*

*Ada **lima belas** soalan dalam Bahagian A. Tiap-tiap soalan diikuti oleh **empat** pilihan jawapan. Pilih **satu** jawapan yang betul dan tandakan jawapan itu pada Borang Jawapan Aneka Pilihan yang berasingan. Baca arahan pada Borang Jawapan Aneka Pilihan itu dengan teliti.*

Calon dikehendaki menjawab soalan dalam Bahagian B pada ruang yang disediakan.

Gunakan helaian jawapan bagi menjawab soalan dalam Bahagian C. Mulakan setiap jawapan anda pada helaian kertas yang baharu dan susun jawapan mengikut tertib berangka. Ikat helaian jawapan anda bersama dengan kertas soalan ini.

Markah untuk tiap-tiap bahagian soalan dan soalan diberikan dalam tanda kurung [].

Untuk kegunaan pemeriksa	
<i>Bahagian B</i>	
1	
2	
3	
4	
<i>Bahagian C</i>	
Jumlah	

Kertas soalan ini terdiri daripada halaman bercetak dan halaman kosong.

© Majlis Peperiksaan Malaysia

HALAMAN KOSONG

Bahagian A
[15 *markah*]

Jawab semua soalan.

- 1 Yang manakah benar tentang ciri-ciri sebuah negara yang berdaulat?
- I Mempunyai sempadan negara yang jelas
 - II Mempunyai sistem pemerintahan yang sistematik
 - III Mempunyai ketua negara yang dilantik oleh rakyat
 - IV Mempunyai hubungan diplomatik dengan negara luar
- A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV
- 2 Yang manakah perkhidmatan yang terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri?
- I Mendaftar dan menukar hak milik tanah
 - II Mengeluarkan lesen untuk mencari galian
 - III Merekodkan dan mengeluarkan sijil kelahiran
 - IV Meluluskan dokumen perjalanan antarabangsa
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 3
- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Encik X berumur 45 tahun• Bukan warganegara tetapi ingin menjadi warganegara Persekutuan• Telah bermastautin di Persekutuan lebih daripada 12 tahun• Mempunyai pengetahuan yang memadai dalam bahasa Melayu |
|--|

Encik X boleh memohon kewarganegaraan secara

- A masukan
B pendaftaran
C percantuman wilayah
D kuat kuasa undang-undang

4 Yang manakah hasil Kerajaan Persekutuan?

- I Cukai taksiran harta
- II Cukai pendapatan
- III Cukai tanah
- IV Cukai jalan

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

5 Jika seorang Perdana Menteri hilang kepercayaan majoriti ahli di Dewan Rakyat, beliau boleh

- A menasihatkan Yang di-Pertuan Agong supaya mengisytiharkan darurat
- B mengekalkan jawatan dengan memohon persetujuan Yang di-Pertuan Agong
- C mengarahkan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya mengadakan pilihan raya baharu
- D meletak jawatan dan memohon Yang di-Pertuan Agong untuk membubarkan parlimen

6

- Dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja
- Dipecat atas syor Tribunal Khas

Penyataan di atas merujuk kepada

- A Akauntan Negara
- B Ketua Polis Negara
- C Ketua Audit Negara
- D Gabenor Bank Negara

7 Individu yang manakah yang layak bertanding dalam pilihan raya?

- I Seseorang yang telah hilang wang pertaruhannya dalam pilihan raya sebelumnya.
- II Seseorang warganegara Malaysia yang telah berkahwin dengan warganegara asing.
- III Seseorang yang tidak mengemukakan penyata perbelanjaan pilihan raya yang lepas.
- IV Seseorang yang memegang jawatan berpendapatan tetap dalam perkhidmatan awam.

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

8 Yang manakah fungsi Suruhanjaya Pilihan Raya?

- I Menentukan calon pilihan raya
- II Menentukan tarikh pilihan raya
- III Membatalkan keputusan pilihan raya
- IV Membuat semakan sempadan pilihan raya

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

9 Tadbir urus yang terbaik sektor awam adalah berteraskan kepada prinsip

- I integriti
- II birokrasi
- III ketelusan
- IV budi bicara

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

10

Perintah Lelongan:

Hartanah : Sebuah kedai dua tingkat
Plaintif : Bank Z
Defendan : Encik X

Pihak yang mengeluarkan perintah lelongan bagi hartanah di atas ialah

- A Mahkamah Tinggi
- B Mahkamah Majistret
- C Pejabat Tanah dan Galian
- D Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah

11 Pihak yang manakah yang berkuasa meluluskan pertukaran status tanah daripada tanah pertanian kepada tanah pembangunan?


- A Dewan Undangan Negeri
- B Pihak Berkuasa Tempatan
- C Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
- D Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

12 Situasi yang manakah yang membolehkan Pihak Berkuasa Tempatan mengeluarkan kompaun?

- I Pengusaha restoran yang tidak menjaga kebersihan premisnya.
- II Pengusaha syarikat makanan yang menyalahgunakan logo “Halal”.
- III Penduduk yang gagal membayar cukai tanah di kawasan bawah kawalannya.
- IV Penjaja yang mencemarkan anak sungai dengan sampah-sarap perniagaannya.

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

13



Jawatankuasa X merujuk kepada

- A Jawatankuasa Kabinet
- B Jawatankuasa Kerja Pembangunan Negara
- C Jawatankuasa Perancangan Pembangunan Negara
- D Jawatankuasa Perhubungan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri

14

X mengeluarkan notis kepada pemilik stesen minyak supaya menamatkan operasi perniagaan kerana terlibat dalam penyalahgunaan subsidi diesel

Berdasarkan pernyataan di atas, X merujuk kepada

- A Kementerian Dalam Negeri
- B Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
- C Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
- D Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

15 Situasi yang mana akan menjejaskan keyakinan pihak berkepentingan terhadap agensi awam?

- I Pengeluaran tender secara terbuka
- II Peningkatan kualiti sistem penyampaian
- III Penguatkuasaan dilakukan secara berpilih
- IV Pertindihan tanggungjawab antara agensi awam

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Bahagian B
[15 markah]

Jawab semua soalan.

- 1 Senaraikan **dua** sumber kewangan Kerajaan Negeri. [2]

.....

.....

- 2 Nyatakan **tiga** syarat untuk menjadi calon pilihan raya. [3]


.....

.....

.....

- 3 Dengan merujuk rajah di bawah, jawab soalan-soalan berikut.

STRUKTUR PEMERINTAHAN KERAJAAN MALAYSIA



(Disesuaikan daripada *Pentadbiran dan Pengurusan Awam Malaysia*, INTAN, 2006, halaman 69-73)

- (a) Nyatakan **dua** peranan X dalam sistem pemerintahan Kerajaan Malaysia. [2]

.....

.....

(b) Nyatakan **dua** kuasa mengikut budi bicara X yang telah diperuntukkan dalam Perkara 40 Perlembagaan Persekutuan. [2]

.....
.....

(c) Nyatakan **dua** perkara yang tidak boleh dilakukan oleh X? [2]

.....
.....

4 Parlimen Malaysia telah meluluskan Akta Kerajaan Tempatan 1976 untuk menyusun semula Kerajaan Tempatan di seluruh negara.

(Disesuaikan daripada *Malaysia Kita*, ILBS, 2007, hal. 237-241)

(a) Namakan **dua** jenis Pihak Berkuasa Tempatan yang telah disusun semula. [2]

.....
.....

(b) Nyatakan **dua** kuasa Pihak Berkuasa Tempatan mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976. [2]

.....
.....

Sila koyakkan di sepanjang garis putus-putus ini.

Bahagian C
[50 markah]

Pilih dua daripada tajuk di bawah ini, dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan.

- 1** Antara isu berkaitan dengan kedaulatan sesebuah negara adalah isu penyeludupan manusia. Aktiviti ini boleh menjejaskan maruah sesebuah negara kerana mendatangkan banyak masalah kepada negara yang dituju. Bincangkan.
- 2** Tanaman ubah suai genetik didapati berupaya meningkatkan sektor pertanian negara, namun pada masa yang sama tanaman ini turut menimbulkan pelbagai kesan negatif. Bincangkan.
- 3** Walaupun pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi merealisasikan amalan perkhidmatan awam negara tanpa rasuah, namun kejayaannya masih lagi gagal dicapai. Jelaskan.

HALAMAN KOSONG



KERTAS SOALAN CONTOH

Nombor kad pengenalan: Nombor pusat/angka giliran:

900/2

STPM

PENGAJIAN AM

KERTAS 2

(1 jam 30 minit)

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
(MALAYSIAN EXAMINATIONS COUNCIL)

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.

Kertas ini mengandungi tiga bahagian, iaitu Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C.

*Calon dikehendaki menjawab **semua** soalan dalam Bahagian A dan **satu** soalan dalam Bahagian B dan Bahagian C.*

Calon dikehendaki menjawab soalan dalam Bahagian A pada ruang yang disediakan.

Gunakan helaian jawapan bagi menjawab soalan dalam Bahagian B dan C. Mulakan setiap jawapan anda pada helaian kertas yang baharu dan susun jawapan mengikut tertib berangka. Ikat helaian jawapan anda bersama dengan kertas soalan ini.

Sekiranya bahan yang perlu diperiksa dibuat pada kertas graf pada helaian halaman __, helaian berkenaan hendaklah dipisahkan daripada kertas soalan dan diserahkan bersama dengan kertas jawapan anda.

Markah untuk tiap-tiap bahagian soalan dan soalan diberikan dalam tanda kurung [].

Untuk kegunaan pemeriksa	
<i>Bahagian A</i>	
1	
2	
3	
4	
<i>Bahagian B</i>	
<i>Bahagian C</i>	
Jumlah	

Kertas soalan ini terdiri daripada halaman bercetak dan halaman kosong.

© Majlis Peperiksaan Malaysia

HALAMAN KOSONG

Bahagian A
[15 markah]

Jawab semua soalan.

1 Cadangkan **empat** petunjuk yang boleh dirujuk untuk mengukur pencapaian usaha meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat Malaysia. [4]

.....
.....
.....
.....

2 Nyatakan **dua** objektif Dasar Automotif Nasional. [4]

.....
.....
.....
.....

3 Nyatakan **dua** cabaran Wawasan 2020. [4]

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

4 Nyatakan **tiga** teras Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010. [3]

.....
.....
.....

Sila koyakkan di sepanjang garis putus-putus ini.

HALAMAN KOSONG

Bahagian B
[20 markah]

Jawab satu soalan sahaja dalam bahagian ini. Jawapan hendaklah dibuat pada kertas graf.

1 Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah, sediakan carta yang sesuai untuk menunjukkan nilai jaminan kredit yang diberikan oleh Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mengikut jenis perniagaan dan jenis skim jaminan kredit yang ditawarkan pada tahun 2004.

CGC bukan sahaja memberikan khidmat nasihat dalam perkara-perkara teknikal tetapi juga, malah lebih penting lagi, memberikan jaminan kredit kepada usahawan PKS yang sering berhadapan dengan masalah ketiadaan penjamin dalam permohonan pinjaman mereka kepada pihak bank. Jumlah jaminan kredit oleh CGC pada tahun 2004 bernilai RM3007.6 juta. Angka ini merupakan peningkatan sebanyak 12.1% berbanding dengan tahun 2003, dengan bilangan usahawan yang terlibat sebanyak 8452 orang. Daripada jumlah RM3007.6 juta itu, sebanyak RM1822.09 juta diberikan kepada usahawan PKS yang menjalankan perniagaan am. Jumlah usahawan yang mendapat jaminan kredit untuk jenis perniagaan ini adalah yang paling banyak, iaitu 5624 orang.

Usahawan PKS yang menjalankan perniagaan yang berkaitan dengan sektor pembuatan merupakan golongan kedua terbanyak yang menerima jaminan kredit daripada syarikat ini, iaitu bernilai RM766.11 juta. Perniagaan yang berkaitan dengan sektor pertanian pula mencatat nilai terkecil, iaitu hanya RM28.81 juta. Jumlah yang selebihnya adalah untuk jaminan kredit kepada usahawan yang menjalankan jenis perniagaan lain.

Skim jaminan kredit yang diberikan oleh CGC pada umumnya dapat dibahagikan kepada lima skim, iaitu Skim Jaminan Utama Baharu, Skim Jaminan Laluan Terus, Skim Jaminan Anjal, Skim Jaminan Usahawan Kecil, dan Skim Jaminan Lain. Skim Jaminan Utama Baharu mencatat angka tertinggi dari segi nilai jaminan, iaitu RM1061.68 juta, diikuti oleh Skim Jaminan Laluan Terus yang mencatat nilai RM962.88 juta. Skim Jaminan Anjal pula mencatat 27.14% daripada jumlah keseluruhan nilai jaminan kredit yang diberikan oleh syarikat, manakala bagi Skim Jaminan Usahawan Kecil, nilainya berjumlah RM44.03 juta. Jumlah selebihnya ialah nilai jaminan yang diberikan kepada Skim Jaminan Lain.

(Disesuaikan daripada *Dewan Ekonomi*, November 2005)

2 Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah ini, sediakan graf yang sesuai untuk menunjukkan perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan bagi perkhidmatan sosial dan ekonomi terpilih pada tahun-tahun yang dinyatakan.

Perbelanjaan pembangunan disediakan bertujuan meningkatkan kecekapan, kebolehan memperbaiki tahap sosial dan ekonomi di samping menyediakan persekitaran yang dapat menggalakkan daya saing dan kecemerlangan sektor swasta.

Pada tahun 2001, sejumlah RM4830 juta telah diperuntukkan bagi perkhidmatan perdagangan dan perindustrian. Pada tahun 2002 pula, peruntukan ini telah meningkat kepada RM5546 juta, tetapi berkurangan sebanyak RM29 juta pada tahun 2003.

Peningkatan perbelanjaan bagi sektor pertanian dan pembangunan luar bandar adalah selaras dengan dasar kerajaan bagi menjana semula sektor tersebut sebagai jentera pertumbuhan ketiga. Jikalau jumlah yang diperuntukkan pada tahun 2001 adalah sebanyak RM1394 juta, tetapi peruntukan untuk tahun 2002 telah ditingkatkan sebanyak 118%. Walau bagaimanapun, jumlah ini telah berkurangan sebanyak RM153 juta pada tahun 2003.

Bidang keselamatan merupakan bidang yang sentiasa diberikan tumpuan utama oleh kerajaan. Sehubungan dengan itu, peruntukan yang besar sentiasa diberikan kepada bidang ini. Pada tahun 2001, sebanyak RM3286 juta telah diperuntukkan kepada bidang keselamatan. Walau bagaimanapun, peruntukan ini telah dikurangkan sebanyak RM206 juta pada tahun 2002 dan dikurangkan lagi sebanyak RM17 juta pada tahun berikutnya.

Secara keseluruhan, perbelanjaan untuk pendidikan kekal besar sungguhpun pada tahun 2002, jumlah ini berkurangan sebanyak 10.5% daripada jumlah perbelanjaan sebanyak RM10 363 juta pada tahun 2001. Tahun 2003 pula menunjukkan peningkatan semula perbelanjaan untuk perkhidmatan pendidikan sebanyak RM520 juta.

Perbelanjaan untuk perkhidmatan kesihatan pada tahun 2003 adalah RM1790 juta. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 36.0% berbanding dengan tahun 2002. Jumlah perbelanjaan pada tahun 2002 ini pula telah berkurangan sebanyak RM254 juta berbanding dengan jumlah perbelanjaan tahun 2001.

(Disesuaikan daripada *Laporan Ekonomi 2002/2003*,
Kementerian Kewangan Malaysia, halaman 85-86)

Bahagian C
[25 markah]

Pilih satu daripada tajuk di bawah ini, dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan.

- 1** Dalam usaha mempelbagai keluaran industri negara, Malaysia begitu prihatin untuk terus memperkembang industri kecil dan sederhana (IKS). Huraikan potensi dan masalah yang dihadapi oleh industri kecil dan sederhana pada masa ini di negara kita.


- 2** Keunikan sosiobudaya yang diamalkan oleh masyarakat setempat menjadi aset utama bagi memajukan industri pelancongan negara. Kemajuan sektor ini seterusnya akan menguntungkan setiap lapisan rakyat. Bincangkan.

Graf

Jika kertas graf ini digunakan untuk menjawab sesuatu soalan, kertas graf ini mestilah diserahkan bersama-sama dengan kertas jawapan anda.

Nombor kad pengenalan: Nombor pusat/angka giliran:.....

Sila koyakkan di sepanjang garis putus-putus ini.



KERTAS SOALAN CONTOH

Nombor kad pengenalan: Nombor pusat/angka giliran:

900/3

STPM

PENGAJIAN AM

KERTAS 3

(Dua jam)

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
(MALAYSIAN EXAMINATIONS COUNCIL)

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.

Kertas ini mengandungi tiga bahagian, iaitu Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C.

*Calon dikehendaki menjawab **semua** soalan dalam Bahagian A, **satu** soalan dalam Bahagian B, dan **dua** soalan dalam Bahagian C.*

*Ada **lima belas** soalan dalam Bahagian A. Tiap-tiap soalan diikuti oleh **empat** pilihan jawapan. Pilih **satu** jawapan yang betul dan tandakan jawapan itu pada Borang Jawapan Aneka Pilihan yang berasingan. Baca arahan pada Borang Jawapan Aneka Pilihan itu dengan teliti.*

Gunakan helaian jawapan bagi menjawab soalan dalam Bahagian B dan C. Mulakan setiap jawapan anda pada helaian kertas yang baharu dan susun jawapan mengikut tertib berangka. Ikat helaian jawapan anda bersama dengan kertas soalan ini.

Markah untuk tiap-tiap bahagian soalan dan soalan diberikan dalam tanda kurung [].

Untuk kegunaan pemeriksa	
Bahagian B	
Bahagian C	
Jumlah	

Kertas soalan ini terdiri daripada halaman bercetak dan halaman kosong.

© Majlis Peperiksaan Malaysia

HALAMAN KOSONG

Bahagian A
[15 markah]

Jawab semua soalan.

- 1
- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Mengadakan dialog politik, kerjasama ekonomi, dan dialog peradaban kebudayaan• Mewujudkan kerjasama antara dua benua |
|---|

Penyataan di atas merujuk kepada

- A Forum Serantau ASEAN (*ARF*)
 - B Mesyuarat Asia-Eropah (*ASEM*)
 - C Dialog Antarabangsa Langkawi (*LID*)
 - D Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (*APEC*)
- 2 Yang manakah usaha untuk mewujudkan persekitaran yang selamat di rantau Asia Tenggara?
- A Forum Serantau ASEAN (*ARF*)
 - B Mesyuarat Asia-Eropah (*ASEM*)
 - C Perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (*AFTA*)
 - D Kawasan Pertumbuhan Segi Tiga Malaysia-Indonesia-Singapura (*MIS-GT*)

- 3
- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Menggalakkan perdagangan bebas dalam kalangan negara anggota• Memperjuangkan sistem perdagangan pelbagai hala |
|--|

Penyataan di atas merujuk kepada

- I Kesatuan Eropah (*EU*)
 - II Forum Serantau ASEAN (*ARF*)
 - III Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (*APEC*)
 - IV Pertubuhan Pakatan Atlantik Utara (*NATO*)
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

4 Pada tahun 2003, Amerika Syarikat dan sekutunya telah melancarkan perang ke atas Iraq.

Yang manakah kesan peperangan di atas?

- I Perubahan corak pemerintahan di Iraq
 - II Peningkatan kumpulan ekstremis dan militan di Iraq
 - III Peningkatan dalam urusan perdagangan dan urusan niaga dunia
 - IV Peningkatan sentimen pro-Amerika dalam kalangan penduduk dunia
- A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV



Jawatan X merujuk kepada

- A Setiausaha Agung
 - B Pengerusi Perhimpunan Agung
 - C Ahli Sementara Majlis Keselamatan
 - D Hakim Mahkamah Keadilan Antarabangsa
- 6 Yang manakah organisasi yang mengeratkan hubungan ekonomi melalui kerjasama serantau?
- A Kumpulan 15 (*G15*)
 - B Pertubuhan Perdagangan Sedunia (*WTO*)
 - C Kumpulan Lapan Negara Membangun (*D-8*)
 - D Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (*ASEAN*)

- 7
- Mengurangkan pergantungan ekonomi negara-negara membangun pada negara-negara maju
 - Memperjuangkan kepentingan bersama negara-negara membangun

Penyataan di atas merujuk kepada

- A Dialog Utara Selatan
- B Kerjasama Selatan-Selatan
- C Pergerakan Negara-Negara Berkecuali
- D Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara

8

- Menjadi tuan rumah kepada persidangan isu Palestin
- Menyokong penyelesaian secara aman dalam konflik politik dalaman Afghanistan

Penglibatan Malaysia dalam semua isu di atas adalah di bawah naungan

- A Kerjasama Selatan-Selatan
- B Pertubuhan Persidangan Islam
- C Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
- D Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara

9

- Penubuhannya hasil daripada resolusi Persidangan Afro-Asia di Bandung pada tahun 1955
- Menghormati kedaulatan dan keutuhan semua negara

Penyataan di atas merujuk kepada

- A Pertubuhan Komanwel
- B Pertubuhan Persidangan Islam
- C Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
- D Pergerakan Negara-Negara Berkecuali

10 Yang manakah yang menunjukkan komitmen Malaysia dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)?

- I Menerima pencalonan sebagai Setiausaha Agung PBB
- II Mempengerusikan Majlis Perhimpunan Agung PBB
- III Menjadi ahli tetap Majlis Keselamatan PBB
- IV Menjadi wakil khas PBB ke Myanmar

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

11 Yang manakah pernyataan yang benar tentang Kumpulan Lapan Negara Membangun (D-8)?

- I Mengadakan kerjasama dalam bidang ketenteraan
- II Menumpukan kepada kerjasama dalam bidang politik
- III Mewujudkan peluang-peluang baharu dalam hubungan perdagangan
- IV Menggerakkan kerjasama dalam bidang perbankan dan insurans Islam

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV



- 12** Yang manakah isu bilateral yang dibincangkan oleh Malaysia dengan Singapura?
- I Semakan kadar harga air
 - II Pembuangan sisa toksik di perairan Malaysia
 - III Penebusgunaan tanah di perairan Pulau Tekong
 - IV Pembinaan kompleks Kastam, Imigresen, dan Kuarantin
- A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV
- 13** Yang manakah cabaran yang dihadapi oleh Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) dalam menegakkan keamanan dan kestabilan politik serantau?
- I Pengawalan penularan penyakit berjangkit
 - II Pembaharuan pelaksanaan demokrasi di Myanmar
 - III Pelaksanaan Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA)
 - IV Penyelesaian masalah keganasan di rantau Asia Tenggara
- A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV
- 14** Yang manakah pernyataan yang benar tentang semangat permuafakatan dalam kalangan anggota ASEAN?
- A Mengawal penggunaan tenaga nuklear di rantau ini
 - B Mengajukan dialog keselamatan dan keamanan serantau
 - C Menyelesaikan isu dalaman negara anggota secara terbuka
 - D Menubuhkan pasukan tentera untuk mengawal keamanan serantau
- 15** Yang manakah matlamat kerjasama antara ASEAN dengan Jepun, China, dan Korea Selatan?
- I Mewujudkan kestabilan politik
 - II Mewujudkan kerjasama perdagangan
 - III Mewujudkan kerjasama keselamatan
 - IV Mewujudkan kerjasama perusahaan kecil dan sederhana
- A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

Bahagian B
[15 markah]

Jawab **satu** soalan sahaja dalam bahagian ini.


1 Berdasarkan carta pai di bawah, huraikan faktor-faktor yang mempengaruhi nilai eksport minyak kelapa sawit ke negara-negara berkenaan dan berikan cadangan bagaimana Malaysia menghadapi persaingan antarabangsa.

Malaysia: Eksport Minyak Kelapa Sawit Ke Negara-negara Tertentu Antara Tahun 2003 hingga 2005



(Disesuaikan daripada *Laporan Ekonomi 2003/2005*,
Kementerian Kewangan Malaysia)

2 Berdasarkan maklumat yang terdapat dalam gambar rajah di bawah, huraikan faktor-faktor penyebab pemanasan global dan kesannya terhadap alam sekitar.



(Disesuaikan daripada Nurashiqin Omar,
“Pemanasan Global Ancam Dunia”, *Berita Harian*, 26 November 2005)

Bahagian C
[50 markah]

Pilih dua daripada tajuk di bawah ini, dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan.

- 1** Terdapat pelbagai faktor yang perlu diambil kira oleh kerajaan Malaysia dalam menentukan dasar luarnya. Huraikan.
- 2** Pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) secara amnya akan memberikan kesan positif kepada Malaysia dan negara-negara anggota lain. Perihalkan.
- 3** Malaysia yang terletak di rantau Asia dilaporkan mengalami pertambahan suhu sebanyak 0.5°C dalam tempoh 1901 hingga 2005. Keadaan ini akan mengancam kehidupan manusia dan persekitaran. Jelaskan.

HALAMAN KOSONG

KERTAS SOALAN CONTOH

900/4

STPM

PENGAJIAN AM

KERTAS 4

**KERJA KURSUS
(KERJA PROJEK)**

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
(MALAYSIAN EXAMINATIONS COUNCIL)

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

Arahan kepada calon:

1. *Kertas kerja kursus (kerja projek) ini **WAJIB** dilaksanakan oleh calon STPM sekolah kerajaan, calon sekolah bantuan kerajaan, calon sekolah swasta, dan calon persendirian individu sebagai sebahagian komponen penilaian penggal 2.*
2. *Kertas kerja kursus (kerja projek) ini mengandungi **dua** tema. Calon dikehendaki memilih **satu** tema bagi menghasilkan **satu** tugas. Semua calon **mesti** menyerahkan tugas tersebut untuk dinilai.*
3. *Calon juga mesti melaksanakan **semua aspek** berkaitan kerja kursus (kerja projek) seperti yang ditetapkan.*

Kertas soalan ini terdiri daripada halaman bercetak.

© Majlis Peperiksaan Malaysia

*Pilih **salu** daripada tema di bawah ini, dan sediakan kerja kursus (kerja projek) yang panjangnya tidak melebihi 5000 patah perkataan.*

Tema 1

Pencemaran budaya

Tema 2

Kebebasan media